



**PEMAKLUMAN : PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP) BAGI WARGA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) DARI 10 JUN 2020
HINGGA 31 OGOS 2020**

Assalamualaikum WBT & Salam Sejahtera,

Y.H Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2020 (Ahad) telah membuat pengumuman berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang akan dilaksanakan pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sepanjang tempoh PKPP ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan melaksanakan sepenuhnya pengoperasian pejabat dengan beberapa pindaan iaitu:

- i. Kehadiran semua staff ke pejabat adalah pada tahap sepenuhnya. Walau bagaimana pun, sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan warga UMP. Staf boleh membuat permohonan kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan memberi justifikasi yang jelas;
- ii. Pemansuhan Penggiliran Fleksi Bekerja Dari Rumah (BDR) secara harian iaitu staf boleh dipertimbangkan untuk bekerja di pejabat minima 5 jam pada setiap hari dan baki masa selebihnya secara BDR. Staf yang hadir ke pejabat mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 akan bekerja seperti biasa iaitu tempoh waktu bekerja sehari selama 9 jam seperti edaran Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 8 Tahun 2019 : Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di UMP;
- iii. Mesyuarat dan Bengkel secara bersemuka dibenarkan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan;
- iv. Perjalanan merentas negeri bagi tujuan kerja dibenarkan dengan hanya mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing sahaja.

Semua warga UMP diingatkan agar sentiasa bersedia untuk mematuhi segala arahan yang diberikan oleh pengurusan Universiti dari semasa ke semasa. Semua warga UMP juga diminta mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak UMP sendiri.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak Y.H Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ tuan/ puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Bersama kita perangi penularan wabak COVID-19! #KitaMestiMenang #KitaJagaKita

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN
Ketua Pegawai Operasi / Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
Tarikh : 8 Jun 2020